

**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
DATO PADUKA AWANG HAJI HAZAIR BIN HAJI ABDULLAH,
MENTERI KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**DI MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH KREATIF *BAHANA*
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA - MINYAK BRUNEI SHELL
SENDIRIAN BERHAD (BSP) 2009 DAN
PENYAMPAIAN HADIAH PERADUAN MENULIS SURAT RASMI
(PMSR) DAN SURAT KIRIMAN (PMSK)**

**HARI SABTU,
13 ZULHIJAH 1431 BERSAMAAN 20 NOVEMBER 2010**

**BERTEMPAT
BALAI SARMAUDA,
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BERAKAS**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Assrafil Mursalin
Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Yang Mulia Dayang Hajah Aminah binti Momin, Pmk Pengarah Dewan Bahasa
dan Pustaka

Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Osman, Timbalan Menteri Kebudayaan
Belia dan Sukan

Yang Mulia Dato Paduka Haji Jemat bin Ampal, SUT KKBS

Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Hamid bin Hj Mohd Jaafar, SUT KKBS

Yang Mulia Awang Haji Ismail bin POK Pekerma Setia Dato Paduka Hj
Hashim TSUT KKBS

Wakil Pengarah Urusan Syarikat Minyak Shell Brunei

Pengarah Pengarah, Pegawai Pegawai Kanan KKBS dan Dewan Bahasa dan
Pustaka, Pemenang-pemenang Hadiah Kreatif Bahana Dewan Bahasa dan
Pustaka-Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn Bhd 2009 dan Hadiah Peraduan
Menulis Surat Rasmi dan Surat Kiriman

Hadirin dan Hadirat yang di hormati sekalian

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, dan kerjasama yang padu dan erat semua pihak Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya Bahagian Perancangan Majalah dan Jurnal dapat mengungkapahkan sekali lagi majlis Penyampaian Hadiah Kreatif *Bahana* DBP-BSP 2009 dan majlis

Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Surat Rasmi (PMSR) dan Surat Kiriman (PMSK) Sempena Memperingati Jubli Emas Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Rasmi Negara Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 (1959-2009) bagi tahun 2010.

2. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah mengundang saya sebagai Tetamu Kehormat pada majlis penyampaian Hadiah pada pagi ini.
3. Saya dimaklumkan bahawa Hadiah Kreatif *Bahana* yang diungkayahkan ini telah berjalan bagi jangka waktu yang lama dan ini merupakan kali yang ke-35 sementara peraduan Menulis Surat Rasmi (PMSR) dan Surat Kiriman (PMSK) bagi tahun 2010 adalah sempena memperingati Jubli Emas Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959.
4. Bagi Hadiah Kreatif *Bahana*, kerjasama strategik dengan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) bagi sekian lama merupakan komitmen pihak BSP yang juga ingin melihat adanya perubahan yang boleh membantu perkembangan dan kerjasama dalam sama-sama menangani kearah memperkasa bahasa Melayu di Negara ini.

5. Bidang penulisan kreatif dan kesusasteraan memainkan peranan positif dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat samada di negara maju mahupun negara membangun. Penulisan puisi, cerpen dan novel mencerminkan pola pemikiran intelek dan pencapaian pembangunan sesebuah masyarakat baik secara mental, fizikal mahupun spiritual. Melalui penulisan dapat membawa masyarakat berfikir, mengimbas semula, menilai dan menghargai, melihat hadapan, dan melibatkan diri mereka kepada pembangunan bangsa dan negara secara positif dan menanamkan semangat jati diri kedalam diri mereka. Pembangunan sesebuah negara dan bangsa memerlukan perubahan minda dan persepsi masyarakat dan rakyat yang mana ini dapat di capai melalui bidang kesusasteraan dan penulisan.

Hadirin yang di hormati sekalian,

6. Penyebarluasan pemenang-pemenang peraduan yang dipertandingkan perlu diberigakan dalam bentuk yang lebih meluas lagi bukan hanya setakat diterbitkan melalui majalah keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja malahan lebih daripada itu terutama ke sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di mana penyertaan banyak datang daripada kalangan pelajar dan penuntut-penuntut.
7. Sehubungan dengan ini, disamping menerbitkan “Bahana” yang memuatkan butir diri atau curricula Vitae dan hasil karya

penggiat sastera tanah ayer yang di jadikan sebagai sumber rujukan, Dewan Bahasa dan Pustaka seharusnya sudah mempunyai data bank yang lengkap dan komprehensif serta terkini (up to date) mengenai dengan senarai sasterawan dan penggiat sastera yang terdiri daripada golongan veteran, pertengahan dan pendatang baru atau contemporari di Negara Brunei Darussalam.

- 8. Data bank atau data base sasterawan dan hasil karya sastera dapat dijadikan sebagai kayu pengukur mengenai dengan perkembangan sastera tanah air dan juga dapat dijadikan sumber kajian mengenai dengan perkembangan dan penghayatan hasil karya sastera samada ianya selari dengan matlamat dan aspirasi pembangunan sosio ekonomi negara dan bangsa.**
- 9. Ini adalah bertepatan dengan peranan sastera dalam pembangunan bangsa dan negara, dalamana karya karya sastera tempatan menyumbang kepada memasyarakatkan dan merakyatkan pemikiran dan persepsi masyarakat dan orang ramai selari dengan wawasan dan matlamat negara samada ianya berkaitan dengan penghayatan Falsafah Negara- Melayu Islam Beraja; Mendorong masyarakat untuk melibatkan diri kepada pembangunan ekonomi dan menuju kepada Wawasan Negara 2035; Menanamkan semangat jati diri yang kental kepada setiap anggota masyarakat khususnya golongan belia dan muda; Mendekatkan masyarakat kepada ugama; Menzahirkan**

masyarakat dan generasi yang penyayang dan pemedulian; dan memberikan kesedaran kepada anggota masyarakat untuk patuh kepada undang undang dan peraturan negara serta bertanggungjawab pada menjaga keamanan dan ketenteraman negara.

10. Merakytakan bahasa Melayu adalah tugas yang tidak akan pernah selesai, justeru itu Dewan Bahasa dan Pustaka perlu bertindak secara proaktif dalam memperkaya dan menyebarkan hasil karya sastera tempatan disamping mengimbangi kebanjiran bahan bacaan luar yang kadangkala lebih diminati oleh golongan remaja di Negara ini. Kita perlu menghasilkan lebih ramai penggiat sastera daripada golongan muda yang mempunyai ketajaman pemikiran dan penulisan serta daya kreatif sastera yang bermutu tinggi dengan pereisian tempatan atau “local content” yang akan dapat membawa masyarakat berfikir dan bertindak mengikut arah tuju dan matlamat untuk mengangkat kedaulatan, pembangunan dan survival bangsa dan negara.
11. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada penerima Hadiah Kreatif *Bahana* ini, semoga dengan kemenangan ini akan dapat membakar semangat penulis tanah air untuk terus memartabatkan bahasa Melayu melalui karya-karya sastera. Dalam masa yang sama menghasilkan karya-karya yang boleh mengangkat semangat patriotisma dan memasyarakatkan pembangunan sosio ekonomi negara.

12. Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai sebuah institusi yang memartabatkan bahasa Melayu dan sastera di Negara ini, perlu mendapat sokongan yang padu daripada semua pihak sama ada daripada pihak kerajaan atau swasta. Pihak BSP telah memberikan sokongan awal tahun 1940an, dan kesan jangka panjang kerjasama dan sokongan tersebut dapat dirasakan oleh kedua-dua pihak.
13. Saya dengan tulus ikhlas ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) kerana telah memberikan kerjasama mengungkayahkan majlis Penyampaian Hadiah Kreatif *Bahana* DBP-BSP 2009. **Semoga kerjasama ini akan dapat diteruskan demi kepentingan Negara terutama dalam memertabatkan bahasa Melayu. Di samping akan terus menanamkan benih-benih jati diri yang mantap sebagai warganegara yang cinta pada raja, bangsa, agama dan Negara.**
14. Dalam kesempatan ini saya juga mengucapkan tahniah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana berusaha mengungkayahkan Peraduan-Peraduan Menulis Surat Rasmi (PMSR) dan Surat Kiriman (PMSK) Sempena Memperingati Jubli Emas Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Rasmi Negara Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 (1959-2009). **Peraduan ini seharusnya tidak diadakan secara bermusim sahaja tetapi hendaklah kerap dilakukan terutama sekali di jabatan-jabatan kerajaan kerana kita tahu penulisan surat, memo dan apa jua bentuk persuratan didalam Bahasa Melayu yang mantap dan betul adalah juga memberikan sumbangan yang besar kearah**

memertabatkan Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam. Lebih lebih lagi dalam konteks era info telekomunikasi dalam mana penggunaan bahasa ringkas internet dan penghantaran pesanan ringkas (SMS) melalui telefon telah menjejaskan kemurniaan dan keaslian Bahasa Melayu itu sendiri.

15. Buat mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada Pengerusi Majlis, Ahli Jawatankuasa, dan mereka yang terlibat kerana berjaya menganjurkan majlis Penyampaian Hadiah Kreatif *Bahana* DBP-BSP 2009 dan majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Surat Rasmi (PMSR) dan Surat Kiriman (PMSK) Sempena Memperingati Jubli Emas Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Rasmi Negara Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 (1959-2009) bagi tahun 2010. Mudah-mudahan usaha yang di hulurkan itu akan mendapat ganjaran daripada Allah subhanahu wata'ala.
16. Sekian, wabillahit taufiq walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.